



PEMERIKSAAN kesihatan percuma antara aktiviti sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia, di Petaling Jaya Selangor.



Aktiviti NKF sempena Hari Buah Pinggang Sedunia

BERSEMPENA dengan Hari Buah Pinggang Sedunia 2018 yang disambut pada 8 Mac lalu, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) telah menganjurkan hari terbuka di yayasan berkenaan di Petaling Jaya, Selangor, bermula dari 9 pagi hingga 4 petang.

Program bermula dengan Tarian Kesihatan berbentuk tarian Bollywood. Turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma, selain kempen pendermaan organ bagi menggalakkan orang awam menjadi penderma organ.

Seterusnya ceramah kesihatan bertajuk kepentingan memeriksa tahap kesihatan secara tahunan oleh Pengurus Perunding Medi Diastika Sdn. Bhd., bagi memberikan maklumat kepada orang ramai betapa perlunya mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

Seiring dengan tema Hari Buah Pinggang Sedunia tahun ini, iaitu *Tergolong, Nilai, Perkasa*, Dr. Nor Fadhlina Zakaria dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut memberikan ceramah bertajuk *Suplemen, Wanita dan Kesihatan Buah Pinggang*, untuk menyampaikan maklumat mengenai kepentingan wanita menjaga kesihatan terutama buah pinggang mereka.

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia diadakan setiap tahun pada setiap Khamis minggu kedua bulan Mac.

Tahun ini, sambutan ini mempromosi keupayaan dan kesamarataan bagi mengakses pendidikan kesihatan, penjagaan kesihatan dan membendung penyakit buah pinggang bagi semua wanita dan anak-anak gadis di seluruh dunia.

Majlis ini juga diharap dapat menarik perhatian mereka yang memerlukan masa untuk didiagnosis dengan rawatan susulan yang baik bagi penghidap wanita mengandung yang menderita penyakit buah pinggang.

NKF adalah sebuah organisasi amal bukan berasaskan

keuntungan yang berdedikasi untuk membantu rakyat Malaysia yang mengalami kegagalan buah pinggang pada peringkat akhir, serta tidak berkemampuan menjalani rawatan dialisis.

Yayasan ini menerajui kempen-kempen kesedaran dan peningkatan kesihatan, serta pengurusan dan rawatan penyakit buah pinggang.

Pada masa kini, NKF mempunyai lebih 1,600 pesakit yang menerima subsidi rawatan dialisis di 27 pusat dialisis di seluruh negara.

Pada 2018, dianggarkan akan ada kekurangan pendapatan dan perbelanjaan sebanyak RM24.9 juta yang NKF perlu dapatkan sumber bagi menyediakan rawatan dialisis dan untuk menjalankan operasi asas secara umum.

Setiap pesakit perlu menjalani rawatan dialisis selama empat jam, tiga kali seminggu atau 13 kali sebulan secara purata sepanjang hidup.

NKF memberikan subsidi sebanyak RM100 setiap kali rawatan atau RM1,300 sebulan bersamaan dengan RM15,600 setahun, bebanding RM54,600 setahun (RM350 setiap sesi) di pusat perubatan swasta.

Bagi pesakit kurang berkemampuan, walaupun sebahagian kos rawatan dibiayai NKF, pesakit perlu memilih untuk mengutamakan antara keperluan asas atau melakukan rawatan demi menyelamatkan nyawa.



Gambar RIDUAN RIZAL AHMAD